

50%

## DERITA FIBROID RAHIM

Susunan: Rosmah Idayu Abu Samah | Foto: Zuellig Pharma

**F**ibroid dalam rahim (juga dikenali sebagai leiomyoma atau mioma) adalah sejenis tumor dalam rahim yang paling biasa dan tidak berbahaya yang terjadi di dalam otot rahim. Apabila simptomatik, ia boleh membawa kepada pelbagai simptom seperti pendarahan rahim yang tidak normal, anemia, rasa tekanan pada bahagian pelvis, masalah lemah kawalan kencing atau penahanan air kencing, atau kesakitan. Hampir separuh daripada wanita berusia di antara 35 hingga 49 tahun mengalami fibroid rahim, dengan 30% daripada mereka menderita simptom-simptom yang boleh membawa kesan yang besar ke atas kualiti hidup mereka.

Fibroid adalah salah satu jenis penyakit yang berkaitan dengan rahim. Kebiasaannya, fibroid terjadi kepada wanita yang berusia sekitar 30-an hingga 40-an, iaitu dalam lingkungan usia subur (peringkat reproduktif) dan akan kembali mengecut (mengecil) apabila seseorang wanita itu sudah mengalami menopause atau putus haid. Satu kajian selidik yang dijalankan baru-baru ini yang melibatkan 21,000 wanita dari lapan negara

menunjukkan fibroid rahim simptomatik menyebabkan kesan yang negatif ke atas kehidupan seksual (43%), prestasi di tempat kerja (28%), serta hubungan dan keluarga. Fibroid dalam rahim juga dikaitkan dengan masalah reproduktif seperti ketidaksuburan dan keguguran.

Antara gejala yang sering dialami oleh penghidap fibroid adalah perubahan haid yang banyak, sakit semasa hubungan seks, mungkin kerap membuang air kecil dan juga air besar, pembesaran dalam rahim dan perut, keguguran dan infertiliti. Ini adalah kerana fibroid yang membesar kebiasaannya akan memberikan tekanan pada organ yang berada di sekitar rahim (uterus), iaitu pundi kencing dan hujung usus (rektum).

Akibatnya, seseorang wanita akan mengalami masalah kencing seperti kerap kali hendak kencing, sering kali tidak dapat mengawal kencing atau kadang-kadang sukar untuk kencing.

Jika hal ini berterusan, air kencing akan bertakung di dalam pundi kencing dan akan menyebabkan seseorang wanita itu berisiko mendapat jangkitan

kuman pada pundi kencing. Apabila ini berlaku, wanita itu akan berasa pedih atau sakit ketika kencing. Apabila fibroid menekan pada usus pula, ia akan menyebabkan simptom seperti sembelit atau sukar untuk membuang air besar.

Ada fibroid yang mencetuskan gejala dan ada juga yang berlaku tanpa sebarang gejala. Gejala wanita mengalami fibroid adalah berdasarkan lokasi fibroid itu sendiri. Lokasi fibroid akan memberikan gejala kepada penghidapnya dan sering mempengaruhi gejala yang dialami oleh seseorang itu dan sesetengah kes, rawatannya berbeza-beza. Ada sesetengah pesakit yang menghidap fibroid mengalami perdarahan yang berlebihan dan berpanjangan setiap kali mereka mengalami haid dan kadangkala mereka juga mungkin mengalami masalah ketidaksuburan atau infertiliti.

Masalah fibroid dalam kalangan kaum wanita, pasti akan menimbulkan seribu kerisauan dalam hati mereka. Akan tetapi, harus diingatkan tidak semua wanita yang menghidap fibroid akan mengalami masalah infertiliti.

Jika berlaku, maklumat dan pengetahuan mengenai permasalahan tersebut dan cara rawatan perlu dicari. Seterusnya, penghidap hendaklah berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan nasihat, menjalani pemeriksaan dan berbincang tentang perawatannya yang dapat ditawarkan.

Tidak semestinya semua wanita yang mengalami ketumbuhan fibroid tidak boleh mengandung kerana ramai juga wanita yang mempunyai fibroid, masih boleh mengandung. Lebih kurang lima peratus daripada penghidap fibroid terutamanya fibroid jenis submukosa atau fibroid yang besar mempunyai kesukaran untuk mengandung kerana kehadiran fibroid akan mengubah dinding rahim dan menyebabkan sukar untuk penempelan janin pada dinding rahim.

Sekiranya fibroid itu terlalu besar, ia juga akan menyebabkan salur Fallopia tersumbat sehingga seseorang itu sukar untuk hamil. Kadang kala ia juga boleh menimbulkan masalah kedudukan bayi yang tidak normal seperti songsang, melintang atau sebagainya. Ada kalanya fibroid menyekat kelahiran bayi kerana pertumbuhannya terlalu besar dan tidak membolehkan kepala bayi turun ke rongga pelvis.

Tidak semua wanita mengalami gejala seperti disebutkan itu. Fibroid yang kecil tidak memerlukan sebarang rawatan. Akan tetapi, jika seorang wanita mempunyai salah satu gejala yang telah disebutkan itu, tidak semestinya dia menghidap fibroid.

Rawatan untuk fibroid rahim simptomatik kebiasaannya adalah terhad, di mana kebanyakan mereka memilih untuk menjalani pembedahan untuk mengatasi masalah tersebut.

Menurut Dr. Raman Subramaniam, pakar obstetrik dan ginekologi menerangkan, kebiasaannya kaedah pembedahan digunakan sebagai pilihan paling biasa untuk merawat fibroid rahim dengan tahap simptom yang sederhana sehingga teruk. Bagaimanapun, seperti apa-apa juga jenis pembedahan, terdapat risiko untuk terjadinya komplikasi dan kerana itulah prosedur seperti histerektomi sering dikaitkan dengan morbiditi, kematian dan beban ekonomi ke atas sistem penjagaan kesihatan." ujaninya.

"Bagi sesetengah wanita, mereka merasa terhalang daripada menjalankan prosedur ini kerana ia bermakna peluang mereka untuk mengandung sudah tertutup. Bagi wanita yang mencari alternatif, miomektomi memberikan kelegaan sementara daripada fibroid rahim yang dihadapi. Bagaimanapun, terdapat risiko fibroid ini akan berulang di masa hadapan."

Terapi farmakologi juga turut diguna pakai untuk merawat fibroid rahim, tetapi kaedah ini mempunyai banyak batasanannya.

"Penyelesaian ini boleh memberikan kelegaan sementara tetapi penggunaan jangka panjang mempunyai kekurangan tertentu seperti terjadinya menopause pramatang dan kurangnya ketumpatan tulang. Di samping itu, sebaik sahaja rawatan dihentikan, selalunya fibroid akan membesar dan simptom akan kembali," jelas Dr. Raman lagi.

Kebanyakan wanita yang mengalami fibroid tidak mempunyai gejala atau tanda-tanda. Hanya 20 hingga 30 peratus sahaja yang mungkin menunjukkan gejala yang dihadapi bergantung pada saiz, lokasi dan bilangan fibroid. Terapi oral yang pertama telah dilancarkan oleh Zuellig Pharma baru-baru ini akan mengubah kehidupan wanita

yang mengalami fibroid rahim.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Zuellig Pharma Malaysia-Brunai, Santiago Garcia, berkata, "Zuellig Pharma komited dalam memberikan lebih akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dan ini dibuktikan oleh pelancaran UPA 5mg. "Fibroid rahim simptomatik adalah salah satu daripada masalah ginekologi yang paling biasa terjadi dan UPA 5mg adalah penemuan ulung terapi oral yang pertama dalam kelasnya yang akan mengubah kehidupan wanita-wanita yang menderita masalah ini. Kami berbesar hati kerana dapat membawakan penyelesaian yang pertama dalam kelasnya ini bagi masalah perubahan seumpama ini yang melemahkan badan penghidapnya dan begitu sering terjadi di Malaysia."

Tambah Dr. Raman, "UPA 5mg mempunyai potensi yang besar untuk membantu wanita di seluruh Malaysia. Dengan begitu ramai wanita yang menderita akibat simptom fibroid rahim yang melemahkan mereka. UPA 5mg merupakan ubat yang hanya diberikan melalui preskripsi dan perakuan boleh didapati daripada pengamal perubatan di seluruh negara.



**Info** \* Fibroid rahim simptomatik adalah sejenis tumor dalam rahim yang paling biasa terjadi dan tidak berbahaya tetapi boleh memberi kesan negatif ke atas kualiti hidup wanita.

\* Simptom yang paling membebaskan termasuk pendarahan haid yang berlebihan, kesakitan yang disebabkan saiz dan kedudukan tumor yang mengganggu kualiti hidup secara keseluruhan; kehidupan seksual (43%), prestasi di tempat kerja (28%), serta hubungan dan keluarga (27%) k